

**Mentaliti Khairy seperti Pekida, bukan Oxford, kata Rafizi**  
**The Malaysian Insider**  
**July 8, 2015**  
**Oleh Yasmin Ramlan**

Setiausaha Agung PKR Rafizi Ramli menyifatkan mentaliti Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin seperti ahli Pertubuhan Kebangsaan Dakwah Islamiah (Pekida) kerana mengatakan usaha mendedahkan exco Pemuda Umno dalam skandal pembelian hartanah Majlis Amanah Rakyat (Mara) di Australia sebagai perbuatan bodoh.

Rafizi berkata, Khairy merupakan seorang graduan Oxford dan semestinya beliau memahami apa yang dimaksudkannya.

"Soalan yang saya timbulkan mengenai ketiga-tiga individu ini. Bagaimana mereka yang tak ada kena mengena dengan Mara tiba-tiba jadi orang penting dalam urusan transaksi hartanah," katanya.

"Saya rasa agak kecewa apabila seorang ketua pemuda Umno dari Oxford tetapi mentalitinya sama macam Pekida," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat PKR di Petaling Jaya, hari ini.

Beliau mendakwa, penglibatan ketiga-tiga individu tersebut dalam urusan transaksi tanah itu semestinya melalui "orang dalam".

Katanya, individu itu mempunyai hubungkait dengan Mara dan dilihat sangat rapat dengan pimpinan Umno.

Pada masa sama, Rafizi yang juga pengarah eksekutif National Oversight and Whistleblowers (NOW) berkata, Naib Ketua Pemuda Umno Khairul Azwan Harun mengugut menyamannya susulan dakwaan NOW yang beliau terlibat dalam skandal Mara RM63 juta itu.

"Azwan ugut untuk saman saya. Saya yakin soalan saya tanya tu bukan bersifat memfitnah dan soalan yang sama juga akan ditujukan oleh rakyat," katanya.

Sementara itu, Rafizi berkata, 2 Pemuda Umno yang berada dalam syarikat tersebut tiada kena mengena dengan Mara tetapi terlibat dalam urusan niaga pembelian hartanah di 746 Swanston Street itu.

Mereka juga terlibat dalam syarikat Optimus Capital Sdn Bhd dan Biosis Group Berhad, katanya.

Individu yang berada dalam Biosis itu pula, katanya, memegang jawatan kedua tertinggi dalam pergerakan sayap Umno itu.

Rafizi mendakwa, daripada maklumat yang diperolehinya, wujud bukti mereka ini terlibat sebagai pengatur kepada urusan niaga kontroversi hartanah di Australia. – 8

Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mentaliti-khairy-seperti-pekida-bukan-oxford-kata-rafizi>